

15/09/2001

Rakyat disaran tolak budaya ganas, militan

Matzidi Dris

KUCHING, Jumaat - Kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak pernah berkempen secara ganas atau militan, sekali gus rakyat, khususnya penduduk Sarawak perlu menolak pihak yang cuba menerapkan budaya itu pada pilihan raya negeri ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, ketika menegaskan demikian, berkata penduduk negeri ini harus menolak mana-mana parti dan calonnya yang menggunakan gaya kempen ganas atau militan untuk mendapatkan pengaruh.

Beliau berkata, ini kerana ia bukan cara Malaysia yang diperintah oleh kerajaan BN pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada peringkat Kerajaan Pusat dan Tan Sri Abdul Taib Mahmud, pada peringkat negeri ini.

Katanya, sudah lebih 44 tahun Malaysia merdeka dan bukan kempen secara ganas yang BN gunakan dalam semua kempen pilihan raya.

"Jadi rakyat Sarawak perlu terus mempercayai dan menyokong sistem kerajaan BN dan semua negeri yang berpaksikan pemerintahan kerajaan BN yang mempunyai dasar yang sama iaitu, menentang sebarang keganasan dan militan yang boleh menjejaskan keselamatan rakyat.

"Kita perlu menolak sebarang gerakan yang jelas boleh menjejaskan keselamatan rakyat dan ketenteraman awam," katanya selepas menghadiri Majlis Meletakkan Batu Asas Bangunan Pusat Khidmat Sosial Setempat (PKSS) dan Tabika Perpaduan, Batu Kawa, di sini, hari ini.

Selain itu, kata beliau, tanggungjawab Kawasan Rukun Tertangga (KRT) pada musim pilihan raya sekarang ialah sebagai mata dan telinga masyarakat.

Katanya, KRT boleh bertindak dengan melaporkan kepada pihak berkuasa apabila mendapati ada yang tidak kena dalam masyarakat atau wujud kumpulan tidak sihat yang boleh menjejaskan keamanan negeri serta negara.

"KRT harus sentiasa mengingatkan rakyat bahawa tidak ada gunanya `menang sorak, tetapi kampung tergadai," katanya.

Siti Zaharah berkata, rakyat termasuk di Sarawak harus sentiasa berhati-hati sepanjang kempen pilihan raya negeri akan datang kerana mungkin akan wujud kumpulan yang akan mengambil kesempatan dengan mengaitkan kes keganasan di New York, Selasa lalu, dengan apa yang akan berlaku di negeri ini.

Beliau berkata, rakyat negara ini harus menyokong tindakan tegas Kementerian Dalam Negeri (KDN) baru-baru ini terhadap Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Terdahulu, Zaharah berkata, tujuan pembinaan PKSS itu yang pertama di Sarawak ialah sebagai tempat menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran secara langsung dan teratur.

Beliau berkata, semua pertubuhan bukan kerajaan berhampiran boleh menggunakan kemudahan di PKSS bagi menjalankan apa jua kegiatan yang menjurus kepada pencapaian matlamat kementerian.

Katanya, PKSS akan meningkatkan imej jabatan dan agensi kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat.

"KRT Batu Kawa dipilih menjadi PKSS, kerana ia adalah KRT yang paling aktif di negeri ini, selain pernah diisytiharkan sebagai KRT contoh di Sarawak," katanya.

(END)